



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

KENYATAAN MEDIA

PEMERKASAAN PELAKSANAAN DAN PENETAPAN KADAR TARIF PREMIUM BAHARU PROGRAM *GREEN ELECTRICITY TARIFF* (GET)

Program Tarif Elektrik Hijau atau *Green Electricity Tariff* (GET) telah diperkenalkan pada tahun 2022 bagi membolehkan pengguna yang mempunyai komitmen *Environmental, Social and Governance* (ESG) mengurangkan pembebasan gas rumah hijau melalui langganan bekalan elektrik yang dijana dari sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB). Untuk tahun 2023, penawaran langganan GET yang dibuka pada bulan Februari 2023 dengan jumlah kuota 6,600GWj pada kadar tarif premium 3.7sen/kWj telah habis dilanggan oleh 2,361 pengguna dari kategori domestik, komersial dan industri.

Dengan sambutan yang menggalakkan dan pengiktirafan antarabangsa, Kerajaan sedar akan kepentingan untuk mengekalkan keyakinan pengguna terhadap program GET. Oleh itu, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) bersama Suruhanjaya Tenaga telah meneliti semula pengoperasian dan prinsip asas bagi langganan program GET bagi memastikan ianya selaras dengan tuntutan umum komitmen ESG yang diperlukan oleh syarikat korporat. Sehubungan itu, Kerajaan telah membuat keputusan seperti berikut:

- (i) pengguna yang melanggan Program GET tidak akan dikenakan caj *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) kerana penjanaan daripada sumber TBB tidak melibatkan penggunaan bahan api fosil;
- (ii) tarif baharu GET ditetapkan pada kadar 21.8sen/kWj iaitu berdasarkan kepada penanda aras penetapan harga runcit bekalan elektrik hijau di negara jiran yang menawarkan produk yang serupa;
- (iii) kaedah penetapan tarif serta kadar tarif premium baharu ini akan berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2023. Kadar tarif premium GET sedia ada iaitu 3.7sen/kWj akan dikekalkan dari 1 Julai 2023 hingga 31 Julai 2023.

Oleh itu, pihak TNB akan melakukan penyesuaian terhadap bil elektrik bagi pengguna elektrik yang terlibat;

- (iv) had kuota 30% langganan GET sebelum ini dimansuhkan dan pelanggan boleh melanggan sehingga dan tidak melebihi 100% keperluan tenaga; dan
- (v) hasil kutipan daripada pelaksanaan Program GET ini akan digunakan untuk tujuan pembangunan dan peningkatan kapasiti baharu TBB dalam sistem pembekalan elektrik negara.

Dengan ketetapan ini, Kerajaan berharap agar pengguna akan mempunyai keyakinan yang lebih tinggi terhadap Program GET. Ini kerana proses penawaran dan kendalian program ini telah dilakukan berasaskan prinsip sistem penjanaan dan pembekalan elektrik hijau, serta langganan GET turut memberikan nilai tambah dalam menyokong usaha peralihan tenaga negara melalui pembangunan dan peningkatan kapasiti baharu TBB dalam pembekalan elektrik negara.

Mengambil kira bahawa ketetapan baharu ini akan melibatkan peningkatan kepada kadar tarif premium GET sedia ada, pengguna sedia ada akan diberi tempoh sehingga 31 Julai 2023 untuk mengesahkan semula langganan. Pengguna yang tidak memberikan sebarang pemakluman akan ditamatkan langganan secara automatik.

Penawaran semula kuota GET daripada pengguna yang tidak memperbaharui langganan akan dilakukan Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui laman sesawangnya kepada mana-mana pengguna yang berminat. Pembaharuan atau langganan baharu program GET juga boleh dibuat melalui laman sesawang TNB ataupun dengan menghubungi Kedai-Kedai Tenaga TNB yang berhampiran.

NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
14 JULAI 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia